

13/04/2004

`Tradisi parti dua jawatan utama tidak ditanding'

MIRI: Jawatan Presiden dan Timbalan Presiden dalam Umno tidak seharusnya dipertandingkan kerana ia sudah menjadi tradisi parti sejak sekian lama, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, beliau berkata, adalah lebih baik supaya kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan untuk mengukuhkan perpaduan ahli dalam parti.

"Saya setuju supaya kedua-dua jawatan penting itu dikekalkan dan tidak seharusnya ditandingi pada pemilihan akan datang," katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Miri di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, sebelum ini Datuk Seri Anwar Ibrahim (bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia) pernah mencabar Tun Ghafar Baba sebagai Timbalan Presiden, dan tindakan itu dianggap melanggar tradisi Umno.

"Sebenarnya, kita tidak menggalakkan perkara itu berlaku dan adalah lebih baik calon yang ada mengekalkan jawatan yang sedia ada," katanya mengulas persetujuan pelbagai pemimpin Umno supaya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Razak tidak harus dicabar untuk menerajui Umno sebagai Presiden dan Timbalan Presiden Umno.